

**Jawatan Ketua Dan Timbalan Ketua Umno Labuan Tidak Dipertandingkan?
Bernama
16 Sept, 2013**

LABUAN, 16 Sept (Bernama) -- Rancangan Umno bahagian Labuan tidak mahu melihat pertandingan bagi jawatan ketua bahagian dan timbalan ketua bahagian memperlihatkan ketidakwujudan demokrasi yang selama ini dilaungkan Umno, menurut seorang pensyarah universiti.

Pensyarah Universiti Malaysia Sabah (UMS) Dr Romzi Otiong yang juga aktivis politik tempatan berkata meskipun percaturan kepimpinan bahagian itu untuk mengelakkan perpecahan dan menjamin perpaduan parti, ia bukanlah cara dalam melihat sokongan jitu sebenar kepimpinan parti di peringkat bahagian.

Katanya perkara itu harus diserahkan kepada satu pemilihan yang didukung oleh sokongan perwakilan yang mewakili semua keanggotaan dalam parti.

"Kita mahu melihat Umno itu sebagai sebuah parti yang tidak dimonopoli sesetengah pihak yang telah memperoleh kuasa mempengaruhi perolehan jawatan dalam parti.

"Parti itu berdiri kerana keahlian dan ia harus dikukuhkan oleh keahlian bukan kepimpinan tertentu yang belum semestinya mendapat sokongan penuh majoriti. Serahkan kepada perwakilan untuk menentukan siapa yang harus mengemudi bahagian bukan melalui percaturan awal," katanya.

Romzi berkata barisan kepimpinan bahagian harus mempamerkan ketelusan dalam mendapat mandat anggota parti dalam pemilihan kepimpinan sekiranya Umno bahagian Labuan mahu diiktiraf sebagai tunjang Umno Wilayah Persekutuan.

Ia tidak harus mengikut apa yang berlaku dalam kepimpinan tertinggi Umno dengan jawatan presiden dan timbalan presiden tidak dipertandingkan kerana perbezaan skop tanggungjawab dan peranan dalam pengemudian parti.

Umno Labuan terlalu kecil untuk dibandingkan dengan Umno bahagian lain, oleh yang demikian, kepimpinan bahagian Umno Labuan harus menumpukan lebih kepada keyakinan dan mandat anggota, dan bukan mengikut membuta tuli hasrat Umno untuk tidak melihat pertandingan dua jawatan utama presiden dan timbalan.

"Umno bahagian Labuan tidak sama dengan corak kepimpinan Umno pusat. Umno bahagian Labuan sama seperti bahagian lain yang masih memerlukan pengukuhan melalui pemilihan perwakilan," katanya.

Ekoran rancangan itu, pemilihan kepimpinan Umno Labuan akan melihat kepada persaingan sengit untuk jawatan naib ketua yang tidak dipertahankan Datuk Bashir Alias kerana akan menjawat jawatan timbalan ketua bahagian selepas diberi laluan oleh Senator Datuk Yunus Kurus.

Yunus, timbalan ketua bahagian kini merupakan pemangku ketua bahagian itu.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=978004>